

UCAPAN PERDANA MENTERI DAN  
PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR  
MAHATHIR MOHAMAD KETIKA  
MENGUGULUNG PERBAHASAN DI HARI  
AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO  
KE-38

# Kematangan perwakilan terserlah

SAYA terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada kita semua, saya sendiri dan tuan-tuan, puan-puan yang hadir, termasuk pemerhati.

Sebagai Presiden parti, kita amat khatir tentang Perhimpunan Agung pada tahun ini. Tidak pernah Majlis Tertinggi mengadakan tiga mesyuarat Majlis Tertinggi tambahan kerana kita ingin menentukan bahawa perjumpaan kita ini berjalan dengan licin dan lancar dan tidak ada peristiwa-peristiwa yang berlaku yang mungkin memalukan kita sebagai sebuah parti politik.

Alhamdulillah segala usaha yang dibuat itu kini sudah mencapai hasil dan kita boleh berbangga kerana perjumpaan kita berjalan licin dan teratur dan juga proses membuang undi berjalan licin dan tidak memakan masa yang terlalu panjang.

Kita telah menentukan melalui proses mengundi ini siapa yang akan memimpin parti yang kita sayangi ini, parti kita Umno. Sebab itu kita tidak harus berasa bangga dengan pencapaian ini, kita juga harus bersyukur kerana kita terdiri daripada orang yang tidak terlalu emosional sehingga kita tidak dapat mengawal perasaan kita.

Saya dapati bahawa baik para wakil ataupun pemerhati, semuanya berada dalam keadaan tenang dan segala kecurigaan kami di dalam Majlis Tertinggi, sebenarnya tidak tepat kerana semuanya tahu akan tanggungjawab masing-masing. Telah banyak cerita yang telah kita dengar berkenaan dengan perhimpunan ini. Ada yang berkata bahawa akan diadakan demonstrasi, akan diadakan sepanduk, akan diadakan acara sambutan, akan diadakan ejekan dan 'boosing' dan sebagainya. Tetapi tak satu pun yang berlaku.

Kita sedar bahawa ramal yang berminat untuk datang pada tahun ini dan kita anggar bahawa bilangan mereka tidak kurang daripada 10,000 orang. Kita berpendapat bahawa kalau kita menempatkan 10,000 di kawasan ini (Dewan Merdeka), maka ini akan menjejaskan perjalanan mesyuarat kita dan kita bercadang, saya tak ingin menyebut siapa sebenarnya yang bercadang, tetapi sebagai 'collective responsibility', Majlis Tertinggi kita kata kita bercadang supaya pemerhati yang lebih ini ditempatkan di Stadium Negara.

Keputusan ini tidak memuaskan sama sekali, baik daripada diri kita atau pemerhati kerana sebagai manusia biasa, hak orang politik, kita amat suka kepada bilangan yang besar apabila kita buat ucapan. Tetapi memandangkan bahawa kemungkinan-kemungkinan yang tidak sihat akan berlaku, maka kita bersetuju supaya mereka ditempatkan di Stadium Negara dan sekali lagi kita mengucapkan Alhamdulillah kerana tidak ada apa-apa peristiwa yang berlaku. Tidak ada insiden yang berlaku walaupun 10,000 daripada ahli Umno telah berkumpul di Stadium Negara.

Ada cerita bahawa mereka akan berjalan beramai-ramai untuk melanggar bangunan yang mereka sebut sebagai bangunan mereka iaitu Umno. Saya tidak percaya mereka ingin datang ke sini beramai-ramai menyerbu tempat ini kerana kita belum bayar hutang yang banyak. Cerita ini sebenarnya tidak ada asas sama sekali. Tidak ada peristiwa semacam itu yang berlaku walaupun sepanjang masa saya telah mengawasi perkara ini dan bertanya kepada pihak polis sama ada apa-apa perkara berlaku. Tetapi tidak berlaku. Dan ini adalah satu lagi petanda bahawa ahli-ahli Umno adalah orang yang matang dan dewasa.

Memang tepatlah Umno ini menjadi pemerintah di dalam negara kita ini. Kalau beginilah caranya kita bermesyuarat, kita memilih pemimpin, saya

fikir tidak ada siapa yang boleh mempertikaikan kelayakan kita untuk menjadi tulang belakang kepada kerajaan campuran ini.

Tahniah yang kedua saya tujukan kepada mereka yang mencapai kejayaan, termasuk diri saya sendiri dalam pemilihan. Saya berharap semua pihak yang menang ini akan insaf bahawa mereka menang atas sokongan sebahagian besar daripada ahli-ahli Umno, tetapi tanggungjawab mereka adalah kepada seluruh anggota Umno. Bukan kepada yang memilih mereka sahaja. Bagi pihak diri saya, saya telah dengar dengan teliti perhitungan yang dibuat oleh seorang wakil tentang berapa banyak sokongan kepada saya. Saya pun membuat analisa lebih dalam daripada itu. Setelah menganalisis, saya dapati bahawa sebenarnya cuma 22 orang sahaja yang menentukan nasib saya. Kalau tidak saya mungkin membuat ucapan perpisahan juga, macam Datuk Musa. Jadi, saya tak tau yang mana satu 22 orang ini, di antara 761 orang yang mengundi saya. Seperti biasa, saya tidak menghargai 22 orang ini sahaja. Saya menghargai semua yang mengundi saya dan menentukan saya teruskan jawatan sebagai Presiden. Saya juga berasa terhutang budi kepada semua ahli Umno, sama ada mereka menyokong saya atau tidak.

## Bernas

Tuan-tuan dan puan-puan, selepas mesyuarat agung yang lepas, saya telah membuat lawatan ke semua negeri untuk berjumpa dengan Perhubungan Umno dan ahli-ahli jawatankuasa bahagian, saya dapati bahawa Perhimpunan Agung kita telah jatuh mutunya di segi isi kandungan ucapan-ucapan yang dilafazkan dalam dewan ini. Saya berbangga kerana kali ini, semua mereka yang bangun bercakap mewakili negeri masing-masing telah bercakap dengan hujah-hujah yang baik dan bernas dan ini menunjukkan kita tidak kurang kesedaran kita akan tanggungjawab. Buat kali pertama saya lihat ramai yang telah menyediakan ucapan mereka dengan lebih awal lagi. Tetapi kita tidak mahulah mesyuarat kita ini terlalu serius sehingga tidak ada gelak ketawa sama sekali.

Saya sebenarnya enggan membuat apa-apa ulasan tentang isi kandungan ucapan-ucapan itu kerana mungkin ia tidak kena pada masanya ataupun tempatnya tetapi kerana perkara-perkara ini sudah pun dibangkitkan, maka saya akan cuba menjawab beberapa perkara sahaja yang dibahaskan. Seperti biasa, saya mungkin agak serius juga, macam Encik Ghafar juga. Tanggungan ini berat, jadi tak dapatlah saya hendak berkelakar banyak, cuma saya hendak menumpukan kepada jawapan yang diberi sahaja. Wakil Pahang, sewaktu membahaskan usul

politik, telah menimbulkan pembahagian kerusi dalam pilihanraya. Dalam perlembagaan kita disebut bahawa bahagian-bahagian akan dirunding untuk menentukan siapa yang akan menjadi calon dalam satu-satu pilihanraya. Saya tidak mahu lari daripada perlembagaan tetapi ia tidak menyebut rundingan itu mesti dibuat secara peribadi oleh pemimpin parti atau Presiden parti. Oleh kerana negara kita ini agak besar dan kawasan pilihanraya juga sudah bertambah kepada angka lebih 170, kita tidak dapat berunding dengan cara yang terus dan terbuka apabila kita bercadang untuk mengadakan pilihanraya. Kita ingin mendapat kemenangan dan satu cara yang boleh kita menentukan kemenangan bagi kita ialah dengan mengadakan "snap election". "Snap election" ini adalah satu pilihanraya cepat yang diadakan dalam satu jangka yang pendek. Ini bermakna kita tidak ada banyak masa. Kita tidak mendedahkan hakikat bahawa kita akan mengadakan "snap election". Kita telah menentukan bahawa pilihanraya sebenar adalah sepanjang sembilan hari sahaja dan notis yang perlu diberi itu ialah notis yang terpendek sekali yang boleh diberi iaitu lebih kurang tujuh hari sahaja. Kalau kita awal-awal lagi mengisytiharkan bahawa kita akan mengadakan "snap election" dalam tiga bulan lagi, maka ini bukan lagi merupakan satu "snap election". "Snap election" atau satu pemilihan tergepang mesti diadakan dengan serta-merta.

Oleh kerana jangka masa ini pendek dan kita harus merahsiakan tarikh mengadakan pemilihan ini, maka kita tidak mempunyai masa untuk bahagian-bahagian menentukan siapa yang akan menjadi calon mereka dan menyampaikannya kepada pihak yang akan meluluskan pencalonan ini.

Dengan itu kita terpaksa ringkaskan cara menentukan calon dan ringkasan yang dibuat dengan menggunakan ketua-ketua perhubungan di negeri masing-masing untuk menentukan siapakah yang menjadi calon.

Adalah mustahil bagi saya untuk mengenal setiap seorang yang dicalonkan, terutama mereka adalah orang yang baru. Oleh kerana saya tidak kenal orang yang akan menjadi calon, walaupun dia orang baru atau orang yang sudah lama, minta maaf kerana saya ini kadang-kadang berjumpa dengan ramai juga wakil-wakil rakyat, tetapi saya tidak tahu mereka itu wakil rakyat. Oleh kerana saya tidak kenal, saya tidak menilai sama sekali calon-calon atau wakil-wakil rakyat dan kebolehan mereka. Oleh kerana itu saya terpaksa bergantung kepada perhubungan negeri. Dalam jangka masa yang pendek saya mesti terima apa yang dicadangkan oleh perhubungan negeri. Hanya kalau saya tahu orang-orang tertentu sahaja, saya membuat keputusan. Selain itu, sesiapa juga yang datang dari negeri sebagai calon saya

terima. Tak guna saya sugulkan kerana baik bu-ruknya calon itu saya terpaksa memberi sepenuh kepercayaan kepada pemimpin di peringkat negeri. Oleh kerana itu jugalah, saya harap supaya jangan buat tuduhan saya sengaja menggugurkan sesiapa.

Saya tidak menggugurkan sesiapa, melainkan saya kenal orang itu bahawa dia tidak sesuai sebagai seorang calon tetapi bilangan orang ini sangatlah kecil. Yang lainnya saya cuma terima daripada perhubungan dan saya luluskan. Tetapi kerana kita tidak mempunyai masa yang panjang dan kita terpaksa tentukan bukan sahaja siapa menjadi calon tetapi tempat mana dia menjadi calon dan di mana pula yang kita hendak letak calon bukan Umno. Kita daripada parti Barisan Nasional.

Dalam pemilihan untuk Umno ini pun bagi tentukan siapa yang hendak dicalonkan oleh bahagian-bahagian pun menimbulkan masalah kerana di bahagian juga terdapat pendapat yang berbeza-beza. Jangan kita fikir bahawa bahagian dengan mudahnya dapat mengenalkan seorang calon yang tidak ada cabaran terhadapnya daripada bahagian. Biasanya seseorang yang ingin dicalonkan di peringkat bahagian akan dapat bahawa ada pihak lain yang berminat dan akan adalah persaingan antara mereka dan kalau ada persaingan yang seperti ini, maka bahagian-bahagian akan mengambil masa yang panjang untuk menentukan siapa yang menjadi calon dan setelah menentukan siapa yang akan menjadi calon, kita tidak boleh jamin pihak yang gagal dan penyokong-penyokongnya akan memberi sokongan sepenuhnya kepada yang dipilih menjadi calon.

Sebab itu kita berpendapat adalah lebih baik kalau kita cuma menamakan calon-calon itu dan di- sahkan di peringkat pusat. Ini adalah kebenaran dalam pentadbiran sebuah parti politik. Kalau kita hendak kuasa ini dipulangkan kepada bahagian, saya boleh sampaikan ini kepada Majlis Tertinggi. Kita akan bincang, dan kalau kita suka, kita akan mengadakan satu lagi mesyuarat agung tergempar bagi menentukan Presiden tidak ada hak sama sekali bagi menentukan siapa yang akan menjadi calon, hanya akan menerima calon yang datang dari pihak bahagian.

Tetapi kalau hendak cara itu, saya cuma minta satu sahaja. Saya tidak bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku kerana bukan saya yang membuat pemilihan yang terawal dan kalau kita buat demikian, maka kita akan mengambil masa yang panjang untuk menentukan siapa yang akan menjadi calon dan kita tidak boleh mengadakan "snap election" lagi. Bahkan election kita menjadi election di dalam Umno juga, iaitu kita tentukan tiga tahun sekali akan adakan election, dan bila kita tahu, maka kita akan menggunakan masa yang amat panjang untuk membahas, berkempen dan sebagainya. Sekarang ini di peringkat cawangan pun, untuk menentukan siapa yang akan menjadi ketua cawangan, memerlukan kempen dan perbelanjaan wang di kalangan kita, kempen yang kadang-kadang agak dahsyat juga, tidak kurang sengitnya daripada kempen yang telah kita lihat baru-baru ini.

Itu di peringkat cawangan. Daripada cawangan akan pergi ke peringkat bahagian dan di peringkat bahagian, kempen untuk menentukan siapa yang akan menjadi calon akan memakan masa dan akan timbul bermacam cerita, peristiwa tuduh-menuduh dan sebagainya. Tetapi ini saya pu- langkan kepada tuan-tuan dan puan-puan, tetapi saya ingin sebelum kita sebut, sebelum kita sam- but dengan mudah, saya minta supaya tuan-tuan dan puan-puan memikirkan dengan mendalam perkara ini kerana ini bukan semudah yang kita jangka. Ia memerlukan satu tinjauan yang menda- lam supaya parti kita akan kekal sebagai sebuah parti.

lagi. Kalau saya gagal dalam pertandingan ini, mustahil saya akan tinggal di Wisma Perdana lagi. Mustahil saya akan menjadi Perdana Mente- ri lagi. Apa gunanya seseorang bertanding dengan saya kalau hendak serah pada saya segala hasil kemenangan kalau dia menang. Bukan soal iri hati atau tidak iri hati. Tetapi soalnya ialah soal prinsip. Kita mempunyai pendirian tertentu dalam pembentukan kerajaan dan untuk menentu- kan bahawa kerajaan berkesan, kita mestilah ada peraturan kerja kita.

Soal sama ada kita setia atau tidak kepada Per- dana Menteri tidak timbul sama sekali. Ahli dari- pada Kelantan telah memperingatkan saya tentang Malay Dilemma kerana saya telah mengkritik Perdana Menteri ketika itu kerana memilih orang yang setia kepadanya sebagai anggo- ta Kabinetnya. Saya tidak mahu orang yang setia kepada saya tetapi tidak boleh buat kerja. Sebenar- nya kalau kita semak balik apa yang telah saya lakukan sejak saya menjadi Perdana Menteri, orang yang dipilih bukan berasaskan kepada kesetiaan. Kalaulah benar saya cuma memilih orang yang setia kepada saya, tidak ada pemilihan yang akan berlaku dalam pemilihan ini. Tetapi seperti yang kita semua maklum, kita bertanding adalah antara anggota-anggota Kabinet yang sama. Bermakna bahawa anggota Kabinet yang dipilih itu bukanlah kerana kesetiaan, tetapi kerana faktor- faktor lain. Sebenarnya, untuk menjadi anggota Kabinet kita mempunyai beberapa syarat dan syar- at-syarat ini mestilah diterima oleh sesiapa yang berada dalam Kabinet. Di antara syarat-syarat ini ialah sumpah kita. Kita bersumpah sebelum kita dapat menjadi anggota Kabinet dan saya ingin membaca sumpah ini supaya kita semua faham.

Dalam sumpah ini tidak disebutkan sama-sekali kesetiaan kepada Perdana Menteri. Tidak ada. Yang disebut di sini ialah sumpah menyimpan rahsia. "Saya sipolan sipolan adalah dengan se- sungguhnya bersumpah (bagi orang Islam) dan berikrar (bagi yang bukan Islam) bahawa saya tidak akan memberitahu atau menzahirkan kepa- da sesiapa sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa un- tuk pertimbangan saya atau yang akan diketahui oleh saya sebagai seorang Menteri kecuali seba- gaimana yang mungkin dikehendaki untuk menu- naikan dengan sempurna kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagaimana yang dibenar- kan dengan hak oleh Yang di-Pertuan Agong." Itu satu sumpah. Sumpah kedua ialah sumpah jawat- an dan taat-setia. "Saya sipolan sipolan, setelah dipilih atau dilantik memegang jawatan adalah dengan ini mengangkat sumpah (berikrar bagi yang bukan Islam) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan jawatan dengan jujur dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepa- da Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan".

## Kesetiaan

Sepertimana yang kita dengar, tidak disebutkan di sini tentang ketaatan kepada Perdana Menteri. Sebab itu saya tidak akan menjadikannya sebagai satu syarat bagi pemilihan seseorang Menteri asalkan saya percaya bahawa dia tidak akan membocorkan rahsia dan dia akan taat kepada pe- rintah Perlembagaan. Walaupun demikian, oleh kerana di dalam Kabinet kita bersetuju bahawa kita mempunyai tanggung bersama, kita tidak bo- leh memisahkan diri kita daripada segala keputu- san yang kita buat. Maka amat pentinglah sesiapa yang berada di dalam Jemaah Menteri itu dapat bekerjasama antara satu sama lain.

Saya menjelaskan ini supaya tidak ada kekelir- uan dalam pemilihan anggota Kabinet bila ia di-

Tidak ada gunakan kita dapat kuasa tetapi kita tidak jadi kerajaan dalam negara kita. Yang penting bukan ada parti. Yang penting ialah mengadakan parti yang boleh menang. Banyak parti dalam negara kita ini yang kita lihat, tetapi mereka akhirnya kalah dan selepas kalah beberapa kali, banyak daripadanya yang sudah gulung tikar. Kita tidak mahu jadi semacam itu. Jadi saya mintalah tuan-tuan dan puan-puan memikir perkara ini. Kalau hendaklah dilucutkan kuasa ini daripada Presiden, saya sedia terima. Tetapi kita fikir dengan mendalam.

Mengenai penerapan nilai-nilai Islam yang sudah dijawab oleh Datuk Amar Wan Mokhtar, saya hanya ingin menambah apa yang sudah dijawab tadi. Kita juga sedar bahawa kita adalah manusia biasa yang mempunyai banyak kelemahan-kelemahan. Sebab itu kita tidak tumpu kepada mengamalkan semua yang perlu diamalkan oleh seorang Islam. Kita tumpukan kepada beberapa nilai dan kita tumpukan juga kepada pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi ahli Umno dan orang ramai perlulah juga menerapkan nilai Islam. Kalau kita boleh sedikit demi sedikit menerapkan nilai Islam yang mulia, saya yakin kita akan lebih berjaya di dunia ini dan juga di akhirat.

Inilah tujuan penerapan nilai-nilai Islam. Malangnya, setelah kita mengisytiharkan hasrat kerajaan menerapkan nilai Islam, ramai orang lain yang membuat interpretasi mereka dan mereka ini melihat dengan sekaligus kita menerapkan semua nilai-nilai Islam. Dan ini mustahil dicapai kerana kita adalah manusia yang lemah.

Oleh kerana itu, saya syorkan supaya dalam perkara ini janganlah bangkit terlalu banyak perkara yang tidak mungkin diamalkan oleh kita. Sebaliknya, kita tumpukan dulu kepada beberapa nilai yang amat penting dalam pembangunan diri kita. Apabila kita telah capai kejayaan menerapkan nilai-nilai ini, maka kita akan menerapkan nilai yang lain pula. Insya-Allah, dengan cara perlahan-lahan ini, satu hari kita akan dapat menjadi manusia Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam dan akan menjadi satu masyarakat yang berjaya. Inilah harapan kita apabila kita mengisytiharkan dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Kelantan, Pulau Pinang dan Pahang, nampaknya khuatir dengan keputusan pemilihan dan kesannya kepada orang-orang tertentu. Kita bertanding dan kita tahu risiko pertandingan itu. Kita nyatakan sendiri pendirian, kita mestilah sedar bahawa kalau kita menang, kita dapat sesuatu dan kalau kita kalah, kita tidak dapat sesuatu. Saya sendiri sedar dan saya sendiri terima awal-awal

buat. Tuan-tuan dan puan-puan, telahpun banyak perkara yang dibangkitkan. Saya tidak dapat menceritakan semuanya dan menjawab semuanya. Tetapi saya tertarik dengan ucapan wakil dari Selangor dan sekali lagi saya ingin membuat sedikit komen dalam bentuk cerita berkenaan dengan ulasan yang telah dibuat oleh wakil dari Selangor itu. Cerita ini adalah cerita dongeng iaitu cerita daripada Aesop's fables. Berkenaan seekor singa dengan seorang Kristian. Di zaman Rom sebagai satu kuasa yang besar, dan satu daripada permainan raja-raja Rom ini ialah melepaskan singa dan manusia di dalam satu arena dan melihat orang ini berlawan dengan singa itu. Bila singa itu nampak hampir membinasakan orang itu, maka mereka akan memberi isyarat sama ada singa itu dibiar membinasakan manusia itu atau diannya diheret keluar.

Dan orang yang menjadi mangsa itu ialah orang Kristian yang pada ketika itu orang Rom masih belum menjadi Kristian. Pada suatu hari pertunjukan ini seorang Kristian telah dilepas bersama seekor singa ganas yang biasa makan ramai orang lain. Dan mereka semua bertepuk sorang melihat bagaimana orang kristian itu cuba melepaskan dirinya. Tetapi kali ini sesuatu yang aneh berlaku, kerana apabila singa itu dilepaskan, singa itu mendekatinya tidak membinasakannya, sebaliknya mendekatinya secara perlahan-lahan.

Akhirnya orang Kristian itu dibebaskan. Kononnya singa itu tidak membinasakan orang Kristian itu kerana satu masa dahulu sebelum singa itu ditangkap, orang Kristian ini telah berjalan dalam sebuah hutan, lalu ternampak seekor singa sedang baring dan mengaum kerana kesakitan. Dia mendapati ada duri pada kakinya dan dia kemudian mencabut duri itu. Maka terlepaslah singa itu dari seksa duri yang menikam kakinya. Oleh kerana singa itu ingat akan kebaikan orang kristian itu, maka dia tidak membunuh orang Kristian itu.

Malangnya tuan-tuan, itu adalah satu cerita dahulu. Cerita yang sebenarnya ialah apabila orang Kristian itu cabut duri daripada kaki singa itu maka ia rasa tidak sakit lalu dia kerkah dan memakan orang itu.

Jadi jaga-jagalah kalau kita hendak cabut duri daripada sesiapa. Akhirnya berkenaan dengan cerita yang seronok sangat diceritakan oleh saudara Anuar Musa dari Kelantan, berkenaan Julius Caesar.

Kalau boleh saya hendak sebut daripada Julius Caesar. Kata Mark Anthony di waktu dia membacakan talkin kepada Julius Caesar. Katanya, "Segala keburukan yang manusia buat akan kekal dalam ingatan manusia dan segala kebaikan akan ditanam bersama tulang"